

**METODE PEMBINAAN AKHLAK MENURUT IBN HAZM DALAM KITAB
*AL-AKHLAQ WA AS-SIYAR***

NUR IZZATUL AFIFAH BINTI CHE AB RAHIM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦

JUDUL : METODE PEMBINAAN AKHLAK MENURUT IBN HAZM DALAM KITAB AL-AKHLAQ WA AS-SIYAR

SESI PENGAJIAN : 2007 / 2008

SAYA : NUR IZZATUL AFIFAH BINTI CHE AB RAHIM
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/~~Sarjana/Doktor Falsafah~~)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENULIS)



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap :
NO. 5, JALAN P8A/2,
PRESINT 8,
62250, PUTRAJAYA.

Tarikh : 30 APRIL 2008

USTAZ MOHD NASIR BIN RIPIN
Nama Penyelia

Tarikh : 30 APRIL 2008

- CATATAN: *
- * Potong yang tidak berkenaan
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“ Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) ”



Tandatangan : _____

Nama Penyelia : Ustaz Mohd Nasir Bin Ripin

Tarikh : 30 April 2008

**METODE PEMBINAAN AKHLAK MENURUT IBN HAZM DALAM KITAB
*AL-AKHLAQ WA AS-SIYAR***

NUR IZZATUL AFIFAH BINTI CHE AB RAHIM

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam)

**Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**

APRIL 2008

“ Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya ”



Tandatangan : _____

Nama Penulis : Nur Izzatul Afifah Binti Che Ab Rahim

Tarikh : 30 April 2008

DEDIKASI

Tuhanku

*Setinggi-Tinggi Kesyukuran Ku Panjatkan Pada-Mu
Ku Syukuri Atas Setiap Anugerah-Mu Yang Tidak Ternilai
Hanya Kepada-Mu Aku Berserah Dan Memohon Pertolongan*

Sekalung Penghargaan Ku Tujukan Khas Buat

Ummi dan Abah Tersayang

Hajjah Norani Binti Mohamed dan Haji Che Ab Rahim Bin Che Daud

*Kasih Sayang Kalian Adalah Segala-galanya Bagiku
Terima Kasih Kerana Sudi Menjadi Pendengar Setia dan Memujukku Untuk Terus Kuat
Redhakan Kehidupanku Di Dunia Dan Akhirat*

Along Yang Dikasihi

Ahmad Khairul Iman

Terima Kasih Kerana Sentiasa Mengambil Berat

Adik-Adik Yang Dirindui

Ahmad Izzuddin Fahmi

Syakiratun Ni'mah

Ahmad Zul Majdi

Abdul Rahman Adib

Abdullah 'Asim

*Usahlah Kalian Leka Dengan Kehidupan Ini
Tuntutlah Ilmu Demi Masa Depanmu Dan Berusahalah Bersungguh-Sungguh
Semoga Kalian Beroleh Keberkatan Hidup Di Dunia Dan Akhirat*

Para Pensyarah Yang Dihormati

Fakulti Pendidikan

Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial

*Terima Kasih Atas Ilmu Yang Diberikan
Semoga Allah Membalas Segala Jasa Dan Bakti Yang Dicurahkan*

Sahabat-Sahabat Yang Diingati

*Segala Pahit Manis Yang Kita Harungi Bersama Tetap Akan Kusemat Di Hati
Semoga Kejayaan Milik Kita Bersama*

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam buat junjungan Rasulullah SAW. Ribuan kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka laporan Projek Sarjana Muda (PSM) ini dapat disiapkan hingga ke noktah terakhir.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan khas buat penyelia Projek Sarjana Muda (PSM) yang dihormati, Ustaz Mohd Nasir Bin Ripin atas segala bimbingan, tunjuk ajar, semangat dan sumbangan idea yang cukup bernas sepanjang menyiapkan laporan PSM ini.

Jutaan terima kasih juga ditujukan buat Prof Madya Muhammad Dani Bin Muhammad (UiTM) kerana telah meluangkan masa dan tenaga yang cukup banyak untuk menterjemahkan Kitab *al-Akhlaq Wa as-Siyar*.

Sekalung terima kasih buat pensyarah-pensyarah Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS), UTM, pensyarah-pensyarah Fakulti Pendidikan, UTM, Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM, Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM, serta Dar al-Hikmah, UIAM. Jutaan terima kasih atas segala kerjasama dan bantuan yang diberikan.

Akhir kata, kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung, terima kasih diucapkan. Semoga segala kerjasama dan usaha yang diberikan, diberkati oleh Allah SWT. Mudah-mudahan hasil kajian ini memberi manfaat kepada semua pembaca.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji metode pembinaan akhlak menurut Ibn Hazm dalam kitab *al-Akhlaq Wa as-Siyar*. Aspek-aspek yang dikaji meliputi konsep akhlak, metode dalam mempertingkatkan akhlak terpuji dan pandangan beliau dalam menyatakan tentang penyakit akhlak dan rawatannya. Konsep akhlak yang dinyatakan oleh Ibn Hazm ialah akhlak dicipta, dibentuk dan disusun oleh Allah SWT . Ibn Hazm telah mengetengahkan beberapa asas yang dianggap penting untuk membentuk akhlak terpuji dalam diri manusia, di antaranya ialah dengan menuntut ilmu, percintaan, persahabatan dan memberi nasihat. Kerosakan akhlak menurut beliau merupakan sesuatu yang mudah dilakukan. Beliau telah menyatakan beberapa penyakit akhlak yang dianggap sebagai asas kerosakan akhlak iaitu menipu, cemburu dan bermegah serta cara merawat penyakit tersebut. Rawatan secara umum bagi semua penyakit-penyakit akhlak juga telah dikaji dan didapati bahawa kaedah yang paling baik dan efektif untuk diamalkan ialah dengan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan setiap sifat-sifat buruk tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen terhadap bahan perpustakaan. Di akhir kajian, pengkaji telah mengutarakan beberapa cadangan kepada pihak-pihak tertentu untuk diberi perhatian dan beberapa cadangan kajian lanjutan disaran untuk penyelidikan pada masa akan datang.

ABSTRACT

The purposes of this research is to investigate on the method of moral's development and approaches which stated by Ibn Hazm in his book, *al-Akhlaq Wa as-Siyar*. Aspects being investigated covered the concept of moral, the method in upgrading good behavior and his opinion on bad behavior and how to cure it. Moral concept that expressed by Ibn Hazm is moral create, shaped and are arranged by Allah SWT. There are few instances on a good behavior that are suggested by him such as to gain knowledge, loves, friendship and also give advice among each other. He also gives examples on the problem of behavior which include being lie and jealous and also boast. Moreover he also explained the best way to cure above things to become worst in human's life. The research in treating all the problems of behavior had been made and generally the best and effective way is by doing something that reverse with that bad characteristic quality. This research used document analytical method from library material. To conclude, the researcher suggested few measures to be taken into consideration and also few suggestions for further research in the future.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	11
	1.4 Objektif Kajian	11
	1.5 Persoalan Kajian	12
	1.6 Kepentingan Kajian	12
	1.7 Skop Kajian	13
	1.8 Definisi Istilah	14

1.8.1	Metode	14
1.8.2	Pembinaan	14
1.8.3	Akhlak	15
1.9	Kesimpulan	15

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	16
2.2	Konsep Akhlak Menurut Perspektif Islam	16
2.2.1	Definisi Akhlak	18
2.2.1.1	Bahasa	19
2.2.1.2	Istilah	19
2.2.2	Kepentingan Akhlak	21
2.2.2.1	Al-Quran	21
2.2.2.2	Al-Hadith	22
2.3	Konsep Akhlak Terpuji	23
2.4	Penyakit Akhlak Dan Rawatannya	27
2.5	Latar Belakang Ibn Hazm	27
2.5.1	Riwayat Hidup	28
2.5.2	Sumbangan	31
2.5.3	Metodologi Pemikiran	33
2.5.4	Karya	35
2.6	Kajian Lepas	39
2.7	Kesimpulan	42

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	43
3.2	Metode Penentuan Subjek	43
3.3	Metode Pengumpulan Data	44

3.4	Metode Analisis Data	46
3.5	Kesimpulan	47

BAB 4 ANALISIS KAJIAN

4.1	Pengenalan	48
4.2	Konsep Akhlak Menurut Ibn Hazm	50
4.3	Akhlak Terpuji Dan Cara Mempertingkatkannya Menurut Ibn Hazm	54
	4.3.1 Menuntut Ilmu	56
	4.3.2 Percintaan	59
	4.3.3 Persahabatan	62
	4.3.4 Memberi Nasihat	64
4.4	Penyakit Akhlak Dan Rawatannya Menurut Ibn Hazm	66
	4.4.1 Menipu	68
	4.4.2 Hasad	70
	4.4.3 Bermegah	71
4.5	Rawatan Kepada Penyakit Akhlak Secara Umum	74
4.6	Kesimpulan	76

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	77
5.2	Perbincangan	77
	5.2.1 Konsep Akhlak Menurut Ibn Hazm	78
	5.2.2 Akhlak Terpuji Dan Cara Mempertingkatkannya Menurut Ibn Hazm	81
	5.2.2.1 Menuntut Ilmu	82
	5.2.2.2 Percintaan	84
	5.2.2.3 Persahabatan	85
	5.2.2.4 Memberi Nasihat	86

5.2.3	Penyakit Akhlak Dan Rawatannya Menurut Ibn Hazm	87
	5.2.3.1 Menipu	88
	5.2.3.2 Hasad	90
	5.2.3.3 Bermegah	91
5.3	Rumusan	92
	5.3.1 Konsep Akhlak Menurut Ibn Hazm	92
	5.3.2 Akhlak Terpuji Dan Cara Mempertingkatkan Menurut Ibn Hazm	92
	5.3.3 Penyakit Akhlak Dan Rawatannya Menurut Ibn Hazm	92
5.4	Cadangan	93
	5.4.1 Cadangan Kepada Ibu Bapa	93
	5.4.2 Cadangan Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia	94
	5.4.3 Cadangan Kepada Kementerian Wanita Dan Pembangunan Keluarga	94
	5.4.4 Cadangan Kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	94
	5.4.5 Cadangan Kepada Jabatan Latihan Khidmat Negara	95
5.5	Kajian Lanjutan	95
5.6	Kesimpulan	96
	BIBLIOGRAFI	97

SENARAI SINGKATAN

AIDS	-	<i>Acquired Immune Deficiency Syndrome</i>
FPN	-	Falsafah Pendidikan Negara
HIV	-	<i>Human Immunodeficiency Virus</i>
IPKKL	-	Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur
JAKIM	-	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JLKN	-	Jabatan Latihan Khidmat Negara
PPIPS	-	Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial
r.a.	-	Radhiallahu ‘Anha
SAW	-	Sallawahu ‘Alaihi Wasallam
SWT	-	Subhanahu Wa Ta’ala
UiTM	-	Universiti Teknologi Mara
UIAM	-	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Islam merupakan agama yang syumul dan merangkumi segala aspek kehidupan. Setiap perbuatan yang dilakukan oleh hamba sama ada berupa kebaikan atau kejahatan, akan diberi ganjaran dan balasan yang setimpal dengan apa yang dilakukan. Semua agama di dunia ini menyeru umatnya melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan. Tetapi masih ramai penganut agama yang tidak mengikut ajaran yang telah ditetapkan sebaliknya membuat sesuatu sesuka hati tanpa batasan. Akibatnya, lahirlah masyarakat yang mengabaikan aspek akhlak dalam kehidupan.

Jika dunia ini ditadbir oleh para Nabi dan Rasul serta ahli hikmah, tentunya dunia ini seolah-olah tersenyum gembira kerana mereka inilah yang akan mengajak manusia berakhlak mulia dan berbudi luhur. Malangnya dunia ini sentiasa dilanda kekejaman akibat tangan-tangan manusia sendiri sehingga menyebabkan pertumpahan darah. Perkara ini dapat dilihat menerusi firman Allah :

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ
بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Maksudnya : “ *Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)*”.

(al-Rum, 30 : 41)

Masyarakat hari ini mengalami dekadensi moral yang sangat ketara. Ianya sedang hangat diperkatakan sejak kebelakangan ini. Semua pihak baik ahli akademik, ahli politik ataupun masyarakat umum banyak membicarakan tentang penurunan nilai moral masyarakat. Perkara ini perlu ditangani kerana ia melibatkan generasi yang akan lahir di masa akan datang.

Kekalnya sesuatu umat itu adalah kerana ketinggian dan kesempurnaan akhlakunya. Apabila lenyap dan runtuh akhlakunya maka runtuh dan lenyaplah umat tersebut. Kata-kata ini adalah pengajaran yang dapat diambil daripada peristiwa sejarah umat Islam terdahulu. Sebuah syair Arab pernah menyebut :

وإنما الأمم الأخلاق ما بقيت فإنهم ذهبوا اخلاقهم ذهبوا

Maksudnya : “*Sesungguhnya bangsa itu tergantung kepada moralnya, bila rosak moral maka binasalah bangsa itu*”.

(Muhammad al-Ghazali, 1987 : 71)

Akhlak atau moral berperanan sebagai tapak kepada kekuatan dan ketahanan sesuatu bangsa. Akhlak juga merupakan syarat mutlak kepada kemajuan dan ketinggian umat dan tamadun seterusnya menjadi syarat mutlak pula kepada kekal dan keterusan umat dan tamadun tersebut (Rohayati Derani, 2004 : 1). Mengamalkan amalan Islam adalah cara yang terbaik untuk mencegah segala jalan yang menyebabkan kezaliman dan masalah sosial yang sedang meruncing (Husin Salamon *et. al*, 1997 : 9).

1.2 Latar Belakang Masalah

Dalam perjalanan menuju matlamat kemajuan yang diidam-idamkan, masyarakat Malaysia dan umat Islam di dalamnya sedang berhadapan dengan gejala keruntuhan moral yang sungguh mengkhawatirkan. Masyarakat Islam terperangkap dalam jeratan budaya penagihan dadah dan HIV atau AIDS. Parti politik digugat oleh amalan tidak bermoral yang disebut sebagai politik wang. Pentadbiran kerajaan dan perkhidmatan awam digugat oleh wabak rasuah dan penyalahgunaan kuasa sehingga kerajaan terpaksa mewujudkan satu Pelan Integriti Nasional dan sebuah institut untuk mengkaji langkah-langkah pelaksanaan pelan tersebut.

Syarikat-syarikat swasta juga tidak terlepas daripada amalan rasuah dan skandal-skandal pengurusan dan kewangan. Pasaran saham digugat oleh manipulasi-manipulasi pihak yang ingin meraih keuntungan secara tidak beretika. Pekerja-pekerja asing diperlakukan sebagai hamba abdi dan pembantu-pembantu rumah diperkosa dan didera.

Penderaan seksual sering menimpa para pekerja wanita dan banduan-banduan juga tidak bebas daripada tindakan-tindakan tidak bermoral ke atas mereka. Pembeli-pembeli rumah ditipu oleh pemaju-pemaju dengan pelbagai cara yang tidak beretika. Alam semulajadi musnah akibat diperkosa oleh proses pembangunan dan industri yang mementingkan keuntungan dan mengenyepikan nilai-nilai moral dan kemanusiaan.

Muda-mudi Melayu hebat berpesta tanpa segan silu tetapi lemah dalam bidang ilmu pengetahuan. Perjudian dan pelacuran tidak dapat dibendung lagi.

Gejala sumbang mahram menjadi-jadi. Kes pembuangan bayi hasil daripada perhubungan seksual haram bertambah. Pelajar-pelajar sekolah sering terlibat dalam vandalisme, keganasan dan amalan buli yang melampau. Pelajar-pelajar IPTA dan IPTS pula terlibat dalam aktiviti seksual di luar kampus untuk menambahkan wang perbelanjaan hidup. Peminjam wang kerajaan enggan membayar hutang mereka dan pelbagai jenis perbuatan tidak beretika melibatkan pengusaha, pedagang, peniaga dan ahli korporat dilaporkan di akhbar hampir setiap hari. Banyak lagi kes-kes penipuan dan kemungkaran lainnya yang memalukan berlaku ke atas umat Islam kini.

Menurut Tan Sri Prof. Dr. Mohd. Kamal Bin Hassan, pihak kerajaan sedang berhadapan dengan suatu kenyataan yang pahit bahawa masyarakat dewasa ini sedang menghadapi ancaman kemerosotan moral yang semakin meningkat dan dalam kes-kes tertentu semakin parah akibat dari kelunturan nilai-nilai murni dan kegagalan dalam penguatkuasaan undang-undang. Ancaman kemerosotan moral ini memberikan peringatan atau amaran awal yang jelas kepada kita bahawa sekiranya rakyat dan pemerintah tidak dapat meningkatkan keutuhan atau kekuatan moral masyarakat kepada keadaan yang lebih baik, negara akan berhadapan dengan krisis keruntuhan moral yang lebih besar (www.islam.gov.my, 8 September 2007).

Walaupun jumlah umat Islam sekarang cukup memberansangkan, namun keadaan umat Islam masih lagi dibimbangi kerana kebanyakan mereka tidak mampu memahami Islam secara menyeluruh. Islam bukan hanya difahami daripada cara menjelaskan teks al-Quran dan al-Hadis semata-mata tetapi bagaimana umat Islam mampu melaksanakan ajaran dan konsep Islam yang dinamik.

Masyarakat kini mengalami masalah krisis identiti yang amat ketara sehingga menyumbang kepada penurunan nilai moral. Mereka tidak dapat menentukan cara hidup

yang dapat membawa kepada kemakmuran agama, bangsa dan negara. Mereka hanya mengikut arus yang dibawa oleh peradaban Barat. Penyerapan unsur peradaban Barat ke dalam kehidupan harian masyarakat Islam adalah hasil daripada perhubungan secara langsung dengan dunia Barat. Untuk menghadapi cabaran ini, seorang Islam itu perlu benar-benar memahami konsep Islam dan mengambilnya daripada sumber asal iaitu al-Quran dan as-Sunnah.

Jika diamati, masyarakat pada hari ini juga tidak dapat membezakan antara baik dan buruk. Pemilihan baik dan buruk menurut fahaman golongan ini ialah sekadar menurut kata hati yang dikawal oleh nafsu semata-mata tanpa pertimbangan akal dan syariat. Hal ini berkemungkinan berlaku kerana tiada panduan untuk memilih baik dan buruk setiap tindakan.

Di negara kita, hampir setiap hari ada sahaja berita mengenai gejala sosial yang melanda masyarakat dan perlakuan buruk itu bukan hanya membabitkan golongan remaja tetapi juga di kalangan dewasa. Di antara beberapa fenomena gejala sosial yang amat membimbangkan kita ialah penagihan arak, bohsia, pergaulan seks bebas, mat rempit, penderaan kanak-kanak, rogol, melepak dan penagihan dadah (Berita Harian, 17 Februari 2007 : 3).

Baru-baru ini, sebuah akhbar tabloid ada menyiarkan berita bertajuk “Lima Anak Luar Nikah Dilahirkan Serentak di Melaka”. Tajuk ini benar-benar menggerunkan kita. Seramai lima wanita mencatat rekod apabila melahirkan anak tidak sah taraf di Hospital Melaka dalam tempoh kurang 24 jam. Dua daripada mereka berusia 17 tahun dan tiga lagi berusia antara 23 tahun hingga 30 tahun. Jumlah kelahiran seramai lima bayi luar nikah dalam tempoh sehari adalah sesuatu yang jarang berlaku (al-Muslimah, Ogos 2007 : 10).

Kadar jenayah yang berpunca daripada keruntuhan moral masyarakat di Malaysia meningkat secara mendadak. Hampir semua negeri mencatat kenaikan kadar jenayah. Dalam sebuah Majlis Dialog Ketua Polis di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur (IPKKL), Datuk Musa Bin Hassan berkata dalam tempoh tujuh bulan pertama pada tahun 2007, sebanyak 15,917 kes jenayah dilaporkan merangkumi semua kategori jenayah berat dan ringan. Kes ragut dilaporkan sebanyak 1564, kes bunuh sebanyak 32, kes pecah rumah sebanyak 951. Bagi kes kecurian lain pula sebanyak 3539 dan kes jenayah rogol mencatat sebanyak 127 kes (Harian Metro, 19 September 2007 : 1).

Insiden jenayah ini menyebabkan negara mengalami kerugian yang banyak. Menurut perangkaan pada tahun 2004, dianggarkan negara telah membelanjakan RM15.3 bilion dalam usaha membanteras gejala sosial dan jenayah di negara ini. Angka kerugian ini pastinya meningkat dari tahun ke tahun selaras dengan peningkatan jumlah jenayah yang berlaku (www.hmetro.com.my, 16 September 2007).

Menurut Dr. Sidek Baba, kerajaan berharap semoga kadar jenayah yang dikatakan makin bertambah akan dapat dibendung dan dikurangkan angkanya bagi mencapai agenda utama Malaysia dalam perancangan menjadikan Malaysia sebuah negara maju memenuhi matlamat Wawasan 2020 yang meletakkan Malaysia maju dalam bidang sains dan teknologi berasaskan acuan sendiri. Atas hakikat itulah, dalam kita mengejar pembangunan dan kemajuan, kerajaan memberikan penekanan yang amat besar kepada usaha membina serta memanfaatkan sepenuhnya potensi modal insan negara (www.wpfind.com, 16 September 2007).

Menurut Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, untuk menjadikan Malaysia bukan sahaja sekadar mana-mana negara maju tetapi negara maju yang mempunyai identitinya sendiri serta mampu terus kekal pada tahap itu, pembangunan modal insan berminda kelas pertama harus diutamakan. Modal insan yang berkualiti tidak sekadar mempunyai ilmu dan kepakaran, keahlian dan profesionalisme tinggi, tetapi mendukung sahsiah tinggi. Sahsiah tinggi penting dihayati kerana jenis

cabaran dalam bidang masing-masing tidak sahaja sifatnya intelektual, teknikal dan profesional tetapi menuntut kualiti amanah, adil, telus dan tulus pada diri (www.bernama.com, 17 September 2007).

Cabaran terhadap keutuhan budaya dan moral umat daripada ledakan dan gelombang teknologi maklumat dalam era globalisasi kini tidak kurang hebatnya. Internet umpamanya, membolehkan penggunaannya menimba segala jenis ilmu pengetahuan dan maklumat dengan mudah, tetapi pada masa yang sama ia mengandungi banyak sekali maklumat yang bersifat destruktif, tidak bermoral dan bertentangan dengan nilai-nilai budaya dan etika umat beragama.

Pendedahan kanak-kanak, golongan remaja dan orang dewasa kepada bahan-bahan yang bersifat erotik dan lucah di dalamnya boleh menimbulkan sindrom ketagihan yang bakal merosakkan peribadi dan moral para penagihnya. Begitu mudah dan cepat sekali bahan pornografi atau laman *adult* berada di depan mata untuk menggugat iman seseorang pengguna hanya dengan beberapa taipan kata kunci pada papan kekunci lalu diklik pada tetikus untuk melakukan 'dosa di hujung jari'. Baru-baru ini masyarakat Malaysia dikejutkan dengan penemuan Badan Bertindak Kesedaran Penderaan Seksual Kanak-kanak betapa kanak-kanak dengan mudah terdedah kepada 1.5 juta laman web lucah. Di samping itu kita diberitahu bahawa wujud 33 juta laman pornografi yang dikunjungi setiap hari oleh pengguna internet seluruh dunia (www.islam.gov.my, 8 September 2007).

Kesan media massa terhadap individu Muslim memang menjadi medan yang hangat diperkatakan oleh pengkaji komunikasi. Media dianggap mempunyai pengaruh langsung yang kuat ke atas seseorang individu. Melalui kajian yang dijalankan, terdapat tiga kesan pengaruh media kepada masyarakat iaitu pertama kesan kognitif iaitu kesan pembentukan dan pengaruh sikap serta nilai pemikiran. Kedua, kesan ke atas perasaan seperti bimbang, rasa curiga dan sebagainya. Ketiga, kesan ke atas tingkahlaku seperti ikutan fesyen dan gaya hidup (Fariza Md. Sham *et. al*, 2000 : 28).

Keadaan ini menunjukkan bahawa pengaruh media massa yang semakin mendalam kesannya telah merebak kepada individu-individu Muslim yang akhirnya merosakkan pemikiran, perasaan dan tingkahlaku. Kesan negatif media massa menyebabkan jenayah bertambah dan akhlak masyarakat juga rosak. Masyarakat kita semakin hilang nilai-nilai budaya yang baik (*ibid* : 30).

Naluri berhibur dan mencari keseronokan ialah fitrah yang ada pada setiap manusia. Perbezaannya mungkin pada tahap atau kadar keperluan seseorang itu kepada hiburan. Keadaan ini boleh diistilahkan sebagai budaya hedonisme yang sering disosialisasikan dengan sikap mencari keseronokan dan hiburan yang keterlaluan sehingga meninggalkan impak yang negatif terhadap pembinaan peribadi dan sahsiah diri. Menurut satu aliran di dalam hedonisme, jika ternyata sesuatu prinsip moral yang sudah sebatu dalam masyarakat dianggap menjadi faktor penghalang tercapainya keseronokan, maka ia perlu dilanggar. Ini bererti budaya ini menjadi benteng penghalang matlamat Rasulullah SAW. untuk menjadikan umatnya sebagai *khaira ummah* (*ibid* : 51).

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dalam persidangan kali ke-2 pada 12 hingga 13 Mei 1981 jelas menyatakan bahawa Islam tidak menghalang masyarakat daripada berhibur malah dalam beberapa keadaan ia sangat digalakkan. Jika dengan nyanyian ia boleh membangkitkan semangat untuk bergerak maju, berusaha, membentuk masyarakat maka ia bertepatan dengan seruan kebaikan yang sentiasa digalakkan . Walau bagaimanapun ia perlu menepati kriteria syarak yang mementingkan kesejahteraan masyarakat dan tidak menggalakkan perpecahan dan penghinaan (Utusan Malaysia, 18 Jun 2007 : 7).

Islam adalah agama kesejahteraan untuk kehidupan di dunia dan akhirat. Islam juga membawa pembangunan terhadap kehidupan manusia meliputi rohani dan jasmani mereka. Maka itu kita dapati Islam memberi panduan yang jelas bagaimana kita dapat menggabungkan antara dua perkara tersebut iaitu hiburan dengan pembinaan masyarakat (www.islam.gov.my, 8 September 2007).

Hiburan yang dimahukan oleh Islam adalah hiburan yang berasaskan kepada penghayatan Islam sebagai suatu cara hidup yang lengkap. Ia merangkumi kemajuan intelektual, akhlak dan pendidikan masyarakat. Keseimbangan inilah yang mesti diusahakan oleh golongan seniman dalam mencapai tuntutan dunia hiburan iaitu membentuk masyarakat memiliki nilai-nilai murni, beragama dan berakhlak. Dengan demikian hiburan yang berteraskan agama dan nilai-nilai akhlak bukan menjadi bencana kepada masyarakat sebaliknya akan menjadi rahmat atas dasar jika mereka tahu memilih antara yang baik dengan yang buruk untuk disajikan kepada masyarakat (*ibid*, 8 September 2007).

Bagi mengelakkan keruntuhan akhlak, Rasul dan Nabi diutuskan oleh Allah SWT untuk membimbing manusia ke arah kehidupan yang mulia dan berakhlak. Pentingnya kedudukan akhlak dalam Islam sehingga menjadi antara misi utama diutus Rasulullah SAW ke dunia ini. Baginda menegaskan dalam sebuah hadis daripada Malik Bin Anas r.a :

إنما بعثت لإتمم مكارم الأخلاق

Maksudnya : “*Sesungguhnya aku diutus hanya untuk menyempurnakan akhlak yang mulia*”.

(Muhamad Fuad ‘Abd al-Baqi,1985: 904)

Prinsip kejayaan masyarakat Islam yang diasaskan oleh Rasulullah SAW terletak pada kesungguhan serta iltizam mereka yang luar biasa sifatnya. Mereka mentaati segala perintah Allah SWT serta menjauhi larangan-Nya. Dengan kata lain, apa juga bentuk usaha yang dilakukan oleh mereka berpaksikan keredaan Allah SWT serta Rasul-Nya. Tidak sama sekali melewati sempadan yang akan mengundang kemurkaan-Nya. Kehebatan peribadi dan keluhuran akhlak masyarakat yang dibentuk oleh Rasulullah itu sentiasa menjadi sebutan sepanjang zaman. Rasulullah bersabda :

خيركم اسلما احاسنكم اخلاقا اذا فقهوا

Maksudnya : *“Orang yang paling baik Islamnya di kalangan kamu ialah orang yang paling elok akhlaknya apabila dia mengetahui.”*

(Abi ‘Abdullah al-Syaibani, 1993 : 236)

Masyarakat hari ini dilihat sering terikut-ikut dengan budaya Barat dari pelbagai aspek seperti gaya hidup, hiburan, pemakanan dan sebagainya. Mereka dilihat seolah-olah tiada pegangan. Sumber pegangan diambil daripada pandangan Barat, contohnya teori motivasi yang terlalu mengagungkan Barat. Hal ini melihatkan bahawa Islam tidak meletakkan panduan kepada umat Islam dalam menghadapi kehidupan. Untuk membentengi masyarakat daripada pelbagai unsur yang akan merosakkan akidah dan mencemar nilai Islam, para ilmuwan dan sejarawan Islam seperti Ibn Hazm telah mengetengahkan idea yang dianggap unik dalam membentuk akhlak masyarakat. Beliau menggunakan pendekatan yang lebih dekat dengan masyarakat untuk mengubati penyakit-penyakit masyarakat Islam hari ini.

Kini yang tinggal hanyalah usaha menyelesaikan persoalan itu mengikut keimanan, keyakinan dan kebijaksanaan diri. Perkara inilah yang akan membimbing manusia untuk menyelesaikan segala permasalahan itu dengan berpandukan al-Quran serta as-Sunnah yang mana kedua-duanya adalah sumber rujukan yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW.

1.3 Pernyataan Masalah

Melalui penelitian dan pengamatan penulis, pandangan Ibn Hazm dalam menyatakan tentang metode pembinaan akhlak dilihat tenggelam berbanding sarjana Islam yang lain. Ini kerana beliau hidup sezaman dengan tokoh-tokoh yang masyhur seperti yang telah dinyatakan di atas. Oleh yang demikian, penulis merasakan perlunya menggali kembali pandangan Ibn Hazm yang semakin jauh dilupakan oleh umat Islam pada hari ini dalam membentuk peribadi yang sebenar. Kajian yang dilakukan oleh penulis bertajuk “Metode Pembinaan Akhlak Menurut Ibn Hazm Dalam Kitab *Al-Akhlaq Wa As-Siyar*”.

1.4 Objektif Kajian

Dalam menjalankan sesuatu kajian, objektif kajian haruslah diberi perhatian memandangkan ia berfungsi sebagai satu rangka rujuk bagi memastikan pelaksanaan kajian berjalan dengan lancar dan sistematik. Justeru itu, pengkaji telah menetapkan beberapa objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini iaitu :

- 1.4.1 Mengkaji konsep akhlak mengikut pandangan Ibn Hazm berdasarkan kitab *al-Akhlaq Wa as-Siyar*.
- 1.4.2 Menganalisis pendapat Ibn Hazm tentang akhlak terpuji dan cara mempertingkatkan dalam kitab *al-Akhlaq Wa as-Siyar*.
- 1.4.3 Mengenalpasti pandangan Ibn Hazm dalam menyatakan tentang penyakit akhlak dan rawatannya berpandukan kitab *al-Akhlaq Wa as-Siyar*.

1.5 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, pengkaji telah menggariskan beberapa persoalan kajian bagi menjawab objektif kajian yang telah digariskan. Antara persoalan kajian tersebut ialah :

- 1.5.1 Apakah konsep akhlak mengikut pandangan Ibn Hazm berdasarkan kitab *al-Akhlaq Wa as-Siyar*?
- 1.5.2 Apakah pendapat Ibn Hazm tentang akhlak terpuji dan cara mempertingkatkaninya dalam kitab *al-Akhlaq Wa as-Siyar*?
- 1.5.3 Apakah pandangan Ibn Hazm dalam menyatakan tentang penyakit akhlak dan rawatannya berpandukan kitab *al-Akhlaq Wa as-Siyar*?